يونيۏرسيتي كبڠسأن مليسيا

PERMANIS

# Setitis Tinta



Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur khususnya Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan (PERMANIS) di atas dayausaha mengadakan Seminar Adat Perpatih buat pertama kalinya.

Pada hemat saya, seminar seumpama ini akan memberi pendedahan yang positif kepada masyarakat umum dalam usaha mengenali lebih dekat pelbagai perspektif adat perpatih yang diamalkan selama ini sehingga ianya menjadi warisan sepanjang zaman yang sangat unik dan istimewa terutama di kalangan masyarakat Melayu Negeri Sembilan.

Semoga seminar ini mencapai objektif yang diharapkan dan mendapat sambutan hangat dari masyarakat dalam dan luar kampus.

PROF. DATO' DR. ABDUL HAMID HJ A.RAHMAN,
Naib Canselor

يونيۏرسيتي كبڠسأن مليسيا

PERMANIS

# Sepintas Lalu



Assalamu$^{c}$alaikum wrt. wbt.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada PERMANIS Universiti Kebangsaan Malaysia kerana telah berusaha mengadakan Seminar Adat Perpatih buat pertama kalinya.

Saya percaya seminar ini akan mendapat sambutan yang menggalakkan sama ada di kalangan mahasiswa/i anak Negeri Sembilan mahupun mahasiswa/i di Universti Kebangsaan Malaysia keseluruhannya. Ini kerana memandangkan Adat Perpatih merupakan satu warisan tradisi masyrakat di Negeri Sembilan yang telah wujud sejak beratus-ratus tahun dahulu mempunyai keunikan dan keunggulan yang tersendiri.

Sungguhpun begitu, masih ramai lagi masyrakat terutamanya di luar Negeri Sembilan tidak mengetahui ciri-ciri Adat Perpatih secara lebih jelas.

Dengan adanya inisiatif ini, diharapkan agar seminar ini dapat memberikan faedah dan gambaran yang jelas kepada masyarakat kampus keseluruhannya.

"Semoga Usaha -usaha Anda Berjaya Dan Mencapai Matlamatnya"

PROF. DATO' DR. ABDUL HALIM OTHMAN
Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Pelajar

يونيبرسيتي كبڠسأن مليسيا

PERMANIS



# Selayang Pandang

Assalamu$^{c}$alaikum wrt.wbt.

Terimakasih saya ucapkan kepada Urusetia Seminar Adat Perpatih kerana memberi kesempatan kepada saya mengabadikan sepatah dua kata dalam buku cenderamata ini.

Saya berharap seminar ini akan dapat memberi fahaman tentang Adat Perpatih supaya dapt mengurangkan kesilapfahaman mengenai Adat Perpatih seperti yang diamalkan di Negeri Sembilan. Saya sukacita melihat kerjasama yang telah diberi dari semua pihak terutamanya ahli-ahli PERMANIS sendiri untuk menjayakan seminar ini. Tanpa kerjasama dari semua pihak, projek yang berbentuk ilmiah ini tidak mungkin akan berjalan dengan lancar.

Oleh kerana itu, saya mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada mereka yang menjayakan projek Seminar Adat Perpatih ini.

Sekian, terimakasih.

Yang benar,

PROF. DR. WAN RAFAEI ABDUL RAHMAN
Penasihat PERMANIS.

# Seuntai Madah



Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Penyayang,
Assalamu'alaikum wrb. wbt.

Di dalam kesempatan yang terluang ini, dipanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Illahi dengan usaha yang gigih telah membolehkan Seminar Adat Perpatih dijalankan dengan jayanya.

Pihak PERMANIS sentiasa mengambil berat tentang rintihan dan permasalahan yang wujud di kalangan anak-anak Negeri Sembilan yang sering dilemparkan dengan prasangka dan tuduhan yang berkaitan dengan Adat Perpatih. Justeru itu satu seminar yang bertemakan ' KEUNGGULAN ADAT PERPATIH SEBAGAI WARISAN MASYARAKAT ' diharapkan dapat menjawap persoalan-persoalan yang selama ini sengaja ditimbulkan. Dengan adanya pembentangan kertas kerja yang meliputi semua bidang ini akan memperkenalkan Adat Perpatih dan membolehkan semua golongan masyarakat kampus menghayati dan merenung sedalam-dalamnya, bak kata perbilangan,

Kata adat banyak kiasan
Ditunjuk dia tetapi bukan
Bergulung pendek panjang direntang
Tak faham kalau tak direnung

Adalah diharapkan dari seminar ini juga akan dapat melahirkan generasi yang dapat menggunakan 'formula' yang disarankan di dalam Adat Perpatih untuk penyatuan bangsa, agama dan negara kita, seperti kata perbidalan :

Bulat air kerana pembentung
Bulat manusia kerana muafakat
Faham sesuai, benar seukur
Bulat segolek, pipih selayang
Rundingan jangan selisih
Muafakat jangan bercanggah.

Akhir sekali, kepada semua Urusetia Seminar Adat Perpatih yang terlibat, ingin saya kalungkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas di atas kegigihan saudara dan saudari di dalam menjayakan seminar ini seperti yang dirancangkan. Semoga jasa yang dicurahkan akan mendapat keberkatan dari Allah s.w.t.

Adat dipakai baru
Kain dipakai usang.

- Wassalam -

KAMARULZAMAN BIN JALALUDIN
Yang Dipertua PERMANIS
Sessi 1987/88

يونيۏرسيتي كبڠسأن مليسيا

PERMANIS



# Sekalung Harapan

Assalamu$^{c}$alaiku wrt. wbt.

Segala puji-pujian kepada Allah s.w.t, selawat dan salam kepada Junjungan Besar, Nabi Muhammad s.a.w.

Bersyukur saya kehadrat Allah s.w.t kerana dengan izin Nya, Seminar Adat Perpatih ini dapat dilaksanakan oleh PERMANIS Universiti Kebangsaan Malaysia.

Semoga dengan adanya seminar ini, ia akan memberi peluang kepada kita untuk mengkaji,meneliti serta menilai Adat Perpatih dari berbagai perspektif, Seterusnya ia akan dapat melahirkan persefahaman yang jitu antara kita sebagai golongan yang bertanggungjawab kepada semua pihak untuk mengemukakan idea-idea yang logic serta bernas dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat Negeri Sembilan.

Akhirnya, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan seminar ini. Saya juga memohon maaf sekiranya program yang telah diatur ini terdapat beberapa kesilapan dan kekurangan.

Sekian, wassalam.

RUSLINA BINTI HAJI SULAIMAN

Pengarah Seminar Adat Perpatih
Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan.

# ATURCARA

**17hb. September, 1988 (Sabtu)**

| | | |
|---|---|---|
| 8.00 - 8.45 pagi | - | Pendaftaran |
| 8.45 - 9.15 pagi | - | Ketibaan jemputan dan peserta mengambil tempat |
| 9.15 - 9.20 pagi | - | Kata-kata Aluan Pengerusi Seminar |
| 9.20 - 9.30 pagi | - | Ucapan Pengarah Projek |
| 9.30 - 9.40 pagi | - | Ucapan Yang Dipertua PERMANIS |
| 9.40 - 10.00 pagi | - | Ucapan Yang Berbahagia Naib Canselor, UKM |
| 10.00 - 10.30 pagi | - | Ucapan dan Perasmian oleh Yang Berhormat Dato' Hjh. Napsiah bt. Omar, Menteri Perusahaan Awam, Malaysia |
| 10.30 - 11.00 pagi | - | Jamuan Ringan |
| 11.00 - 12.30 tgh. | - | Pembentangan Kertas Kerja 1<br><br>"Dilema yang Wujud dalam Masyarakat Adat Perpatih Masakini"<br>(Prof. Madya Hj. Taha Abd. Kadir)<br>Jabatan Bahasa, UPM<br><br>Pengerusi:<br><br>Dr. Haflah Piei<br>(Jabatan Ekonomi Pembangunan, UKM) |
| 12.30 - 2.00 petang | - | Makan Tengahari dan Rehat |
| 2.00 - 3.15 petang | - | Pembentangan Kertas Kerja 2<br><br>"Kesesuaian Adat Perpatih dan Cabaran Masakini"<br>(Encik Norhalim Hj. Ibrahim)<br>Jabatan Sains Kemasyarakatan, UPM<br><br>Pengerusi:<br><br>Prof. Madya Dr. Abd. Rahman bin Kaeh<br>(Jabatan Pengajian Melayu, UM) |

| | | |
|---|---|---|
| 3.15 - 4.30 petang | - | Pembentangan Kertas Kerja 3 |
| | | "Stilistik Dalam Kata Perbilangan Adat"<br>(Drs. Yeop Johari bin Yaakub)<br>Jabatan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka |
| | | <u>Pengerusi</u>: |
| | | Prof. Madya Drs. Ramli bin Isin<br>(Jabatan Persuratan Melayu, UKM) |
| 4.30 - 5.00 petang | - | Jamuan Ringan |

<u>18hb. September, 1988 (Ahad)</u>

| | | |
|---|---|---|
| 9.00 - 10.30 pagi | - | Pembentangan Kertas Kerja 4 |
| | | "Secebis Mengenai Adat Perpatih: Nilai dan Falsafah"<br>(Tan Sri Dato' Hj. Abdul Samad Hj. Idris)<br>Bank Pembangunan Malaysia Berhad |
| | | <u>Pengerusi</u>: |
| | | Prof. Dr. Wan Rafaei Abdul Rahman<br>(Ketua Jabatan Psikologi, UKM) |
| 10.30 - 11.00 pagi | - | Jamuan ringan |
| 11.00 - 12.30 pagi | - | Pembentangan Kertas Kerja 5 |
| | | "Keberkesanan Adat Perpatih dalam Pembentukan Sebuah Masyarakat yang Dinamis"<br>(Hj. Sharif bin Fakeh Hassan)<br>Rembau |
| | | <u>Pengerusi</u>: |
| | | Prof. Madya Dr. Baharuddin Yatim<br>(Penyelaras,<br>Pusat Pengajian Umum) |
| 12.30 - 2.00 petang | - | Makan Tengahari dan Rehat |

2.00 - 3.30 petang - Pembentangan Kertas Kerja 6

"Adat Perpatih dan Syarak di Negeri Sembilan"
(Dato' Haji Mustafa bin Hj. Ahmad)
Jabatan Agama Islam, Seremban
Negeri Sembilan

Pengerusi:

Dr. Hj. Mohammad Hj. Alias
(Penyelaras Fakulti Ekonomi/
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan
Kemanusiaan, UKM)

Upacara Penutup

3.30 - 3.35 petang - Ucapan Timbalan Pengarah 1

3.35 - 3.40 petang - Ucapan Penasihat PERMANIS Prof. Dr. Wan Rafaei Abdul Rahman

3.40 - 4.00 petang - Ucapan dan Perasmian Penutup oleh Yang Berbahagia Prof. Dato" Dr. Haji Abdul Hamid Hj Abd Rahman, Naib Canselor, UKM

4.00 - 4.30 petang - Jamuan Ringan dan Penyampaian Sijil

*Yang elok di awak itu*
*Setuju di orang hendaknya*
*Sakit di awak sakit di orang*
*Lemak di awak lemak di orang*

## URUSETIA SEMINAR ADAT PERPATIH

| | | |
|---|---|---|
| Pengarah | : | Ruslina Haji Sulaiman |
| Tim. Pengarah I | : | Suhardi b. Alias |
| Tim. Pengarah II | : | Salmi bt. A. Hassan |
| S/U Projek | : | Nor Azni bt. Shahari |
| Bendahari | : | Rosmah bt. Abd. Latif |
| S/U Perhubungan dan Iklan | : | Mohd Rozi b. Ibrahim |
| S/U Buku Cenderamata | : | Rogayah Haji Yaacob |
| S/U Protokol | : | Norwaja bt. Nordin |
| S/U Cenderamata | : | Mohd Yazid b. Kamarudin |
| S/U Publisiti | : | Rusla bt. Ariffin |
| S/U Pengangkutan | : | Mohd Faid b. Jimin |
| S/U Pendaftaran | : | Siti Zaharah bt. Fadzil |
| S/U Kertas Kerja | : | Norlizah bt. Kamaruddin |
| S/U Jamuan | : | Sharifah Rafiza bt. Syed Nadzir |
| S/U Tugas-tugas Khas | : | Mokhtar b. Mohamad Zain |
| S/U Teknikal & Peralatan | : | Mohd. Kamal b. Abdullah |

# URUSETIA
# SEMINAR ADAT PERPATIH



Ruslina



Suhardi



Salmi



Nor Azni



Rosmah



Mohd Kamal



M.Rozi



Rogayah



Mohd Yazid



Norwaja



Rusla



Mohd Faid



Siti Zaharah



Norlizah



S.Rafiza



Mokhtar

KERTAS KERJA

SEMINAR ADAT PERPATIH

Pengenalan:

Seminar ini adalah bertujuan untuk menggali intipati yang sebenarnya berhubung dengan persoalan-persoalan yang terdapat dalam Adat Perpatih yang selama ini sering disalahertikan. Tinjauan ini akan meliputi berbagai aspek iaitu dari perspektif Islam, politik, ekonomi, sosial (kemasyarakatan) dan perbandingannya dengan adat-adat lain khususnya Adat Temenggung. Tidak dinafikan bahawa ramai di kalangan ahli masyarakat yang mempersoalkan Adat Perpatih ini. Menyedari akan hakikat ini, maka pihak PERMANIS telah cuba mengambil inisiatif bagi menganjurkan satu seminar yang diharapkan akan dapat memberi pendedahan secara lebih terbuka dan jelas skepada masyarakat Negeri Sembilan sendiri dan juga masyarakat luar tentang apakah yang dikatakan Adat Perpatih itu sebenarnya. Seminar ini juga akan cuba membincangkan masalah-masalah yang timbul dalam masyarakat Adat Perpatih dalam konteks masa kini.

Objektif:

1) Untuk memberi pendedahan kepada masyarakat agar segala prasangka buruk mereka terhadap Adat Perpatih dari berbagai aspek dapat dihindarkan.

2) Untuk memberi kefahaman tentang Adat Perpatih dari segi asal-usul, cara perlaksanaan dan perbezaannya dengan adat-adat lain.

3) Untuk memberi kesedaran terhadap peranan atau fungsi Adat Perpatih di dalam membangunkan masyarakat terutama masyarakat yang mengamalkan Sistem Sosial Adat Perpatih.

4) Untuk memelihara Adat Perpatih sebagai warisan masyarakat di Negeri Sembilan.

Tema:

'KEUNGGULAN ADAT PERPATIH SEBAGAI WARISAN MASYARAKAT'

Kami memilih tema di atas adalah memandangkan bahawa di dalam sistem sosial Adat Perpatih di Negeri Sembilan ini terdapat ciri-ciri keunikannya yang unggul. Tidak dinafikan juga bahawa ramai yang menganggap sistem ini mendatangkan keburukan malah bertentangan sama sekali dengan hukum-hukum Islam secara total tanpa mengetahui akan salasilah dan intipati sebenar adat itu sendiri. Jadi, adalah diharapkan dengan pemilihan tema ini ia akan dapat menarik minat para mahasiswa/i untuk turut serta dalam seminar yang akan diadakan dan secara tidak langsung akan dapat menjawab segala persoalan yang timbul serta mengetahui apakah yang dikatakan mengandungi ciri-ciri yang unik dan unggul yang berbeza dengan adat lain.

Tajuk Kertas Kerja:

Beberapa kertas kerja penting yang akan menyentuh aspek-aspek dan teori sosio-budaya, politik, ekonomi, pendidikan dan keagamaan akan menjadi tumpuan penulisan dan pembentangan kertas kerja. Antara kertas kerja tersebut ialah:-

1) Adat Perpatih Dari Perspektif Islam.

2) Keberkesanan Adat Perpatih Dalam Pembentukan Sebuah Masyarakat.

3) Kesesuaian Adat Perpatih Dan Cabaran Masa Kini.

4) Dilema Yang Wujud Dalam Masyarakat Adat Perpatih Masa Kini.

5) Secebis mengenai Adat Pepatih Nilai dan Nilai dan Falsafahnya.

6) Stilistik Dalam Kata Perbilangan Adat.

## Pembentang Kertas Kerja:

Antara para pembentang kertas kerja yang akan dijemput adalah terdiri daripada Dato Haji Mustafa bin Haji Ahmad, Tan Sri Dato Haji Abdul Samad bin Idris, Encik Norhalim Ibrahim (pensyarah UPM), Tuan Haji Sharif bin Pakeh Hassan, dan Drs Yeop Johari bin Yaakub. Prof. Madya Dr. Hj. Taha Abd. Kadir

## Para Peserta Seminar:

Seminar ini adalah terbuka kepada semua mahasiswa/i, pensyarah dan juga kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia. Penyertaan dari kalangan mahasiswa/i Negeri Sembilan adalah digalakkan.

## Tempat Seminar:

Seminar ini akan berlangsung seluruhnya di Kampus Induk Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertempat di Bilik Jumaah.

## Perlaksanaan:

Tarikh : 17hb. dan 18hb. September, 1988

Masa : 8.30 pagi - 5.30 petang

## Penganjur:

Seminar ini dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan (PERMANIS) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan, Yayasan Negeri dan juga Universiti Kebangsaan Malaysia.

## Perasmian Dan Penutup:

Perasmian akan dilakukan oleh Y.B. Dato' Hajjah Napsiah bt. Omar, Menteri Perusahaan Awam.

Upacara penutup seminar akan dilakukan oleh Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia.

# EXCO - EXCO PERMANIS SESI 87/88

**Kamarulzaman Jalaluddin**
(Yang Di Pertua)

**Mohd Fauzi Naim Hj Badaruddin**
(Naib Yang Di Pertua I)

**Ruslina Hj Sulaiman**
(Naib Yang Di Pertua II)

**Mohd Nasir Baharuddin**
(Setiausaha Agong)

**Rosmah Abd Latif**
(Bendahari)

**Suraya Zainal**
(Pen. S/Usaha)

**Jamaluddin Jaafar**
(S/J Penerbitan)

**Abd Halim Zulkifli**
(S/U Pelajaran)

**Mazlan Kanum**
(S/U Kebajikan )

**Suhardi Alias**
(S/U Sukan)

**Kamanizam Tindek**
(S/U Tugas-tugas Khas I)

**Jahlelawati Husin**
(S/U Tugas-tugas Khas II)

**Misran Sharif**
(Wakil Tahun 1)

**Salmi A.Hasan**
(Wakil Tahun 2)

With Best Compliments From

Broadway Enterprises
Broadwell Trading
Broadway Photostat Centre

15 Jln Sulaiman 43000
Kajang Selangor D.E.
Malaysia
Tel: 03-8331123

SELAMAT BERSIDANG

daripada :

MASTIKA PUBLISHERS
19 - 19A, Taman Mas,
Batu 9, Jalan Cheras,
43200 Kajang,
Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03 - 9053313

*With Best Compliments*

*from*

**YONG MOTORS**

**NISSAN SERVICE GARAGE**

Specialise in repairing Cars & Genuine Parts Available

*Y.S. Yong*

No. 133, Reko Road,
43000 Kajang, Selangor.

Tel: 8331482
8363388

**With Best Compliments**

**from**



**COMPUTRON TRADING**

No 67 Taman Sri Reko
Jalan Reko
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan.
Tel No. 8333718

*With Best Compliments*

*from*

第一服裝中心

**SYARIKAT PERTAMA JEANS**

**No. 1 Jalan Tuanku Munawir, 70000**

**(Jalan Lemon) Seremban, N.S.**

Tel : 06-725743

PERTAMA JEANS

pallas

Wrangler

Clarks OF ENGLAND

Lee

JOHN GRAY

Levi's

DURBAN

PUMA

DENGAN TULUS IKHLAS

DARI

*********

# KAFETARIA KAMSIS DATO' ONN

( KAFETARIA A2 )

**MEMENUHI SELERA ANDA SEMUA**

*Sedia Menerima Tempahan*

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

DARIPADA

RESTORAN HEBAT

~ SEDIA MENERIMA TEMPAHAN ~

SEHEBAT NAMANYA

PRIATEN SDN. BHD.

KAFETERIA KAMSIS B

PRIATEN SDN BHD

CITARASA YANG ANDA
KEHENDAKI ADA DI KAMSIS B

(PRIATEN SDN. BHD.)

With Best Compliments

From

Tukang Jahit Sentosa
No. 24 Jln Sulaiman
Kajang Selangor D.E.

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

Urusetia Seminar Adat Perpatih
PERMANIS UKM,
Paras 3, Bangunan Pusanika,
UKM, 43600 Bangi.

# Penghargaan

Urusetia Seminar Adat Perpatih, PERMANIS, UKM ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih diatas kerjasama yang telah diberikan kepada kami dalam usaha menjayakan Seminar ini samada dalam bentuk idea, tenaga derma, iklan dan sebagainya kepada :-

- YB Dato' Hjh. Napsiah Omar, Menteri Perusahaan Awam
- Yang Berbahagia, Prof.Dato' Dr.Hj Abd Hamid Hj Abd. Rahman, Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Abd. Halim Othman, Timb. Naib Canselor, H.E.P UKM
- Hal Ehwal Pelajar, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Yayasan Negeri Sembilan
- Pusat Teknologi Pendidikan
- Kakitangan Jabatan Psikologi
- Penulis Kertas kerja dan Pengerusi Sidang
- Kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam, Negeri Sembilan
- Kelinik Mogan, Kajang
- Prof. Dr. Wan Rafaei Abd. Rahman
- Prof. Madya Drs. Ramli Isin
- Warong Kek Imbi, Seremban
- Syarikat Seri Makmor, Seremban
- Tukang Jahit Yasmin, UKM
- Chuan Lee Co.
- Penderma-penderma perseorangan
- Berita Harian

" Semoga Allah memberkati usaha yang ikhlas ini "




DAERAH-DAERAH ADAT DI NEGERI SEMBILAN.

*Berat sama dipikul*
*Ringan sama dijinjing*
*Yang tidak ada sama dicari*
*Sama sakit sama senang*
*Ke bukit sama mendaki*
*Ke lurah sama menuruni*
*Sama menghayun sama melangkah*
*Jika khabar baik diberitahu*
*Jika khabar buruk serentak didatangi*
*Jika jauh ingat mengingat*
*Jika dekat temu menemui*
*Dapat sama laba*
*Hilang sama rugi*

*Rundingan jangan selisih*
*Muafakat jangan bercanggah*
*Tuah pada sekata*
*Berani pada seiya*

*Jika mendapat sama berlaba*
*Kehilangan sama berugi*
*Yang ada dimakan bersama*
*Hati gajah sama dilapah*
*Hati kuman sama dicecah*
*Banyak diberi berumpuk*
*Sedikit beri bercecah*
*Besar kayu besar bahannya.*

## FALSAFAH UNIVERSITI

Paduan antara Iman kepada Allah dan ilmu yang bermanfaat serta gabungan antara teori dan amal adalah dasar utama bagi perkembangan ilmu. proses pembinaan masyarakat terpelajar dan pembangunan Universiti.

# SEMINAR ADAT PERPATIH

## 17 - 18 HB. SEPT. 1988

## [PERMANIS]

Bertempat di Bilik Jumaah

Dirasmikan Oleh:

**Y.B DATO' HAJAH NAPSIAH OMAR**
**MENTERI PERUSAHAAN AWAM**

~~~~~~

'Keunggulan Adat Perpatih
Sebagai Warisan Masyarakat'





Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan
Universiti Kebangsaan Malaysia
~~~~~~

# Dengan Ingatan Tulus Ikhlas

## dari

**MARWILIS PUBLISHER AND DISTRIBUTOR SDN. BHD.,**
Tingkat 2, Fasa 3, Kompleks PKNS,
40000 Shah Alam Selangor Darul Ehsan,
Telefon: 5598262 dan 5598277.

# TUNJUKKAN ANDA SEORANG YANG ARIF!!!

## SAYEMBARA YANG PERTAMA MEMBACA SAMBIL BERFIKIR

(Terbuka kepada Semenanjung, Sabah, Sarawak, Singapura dan Brunei.)

**Hadiah $4,750/-** untuk peminat-peminat pembaca anjuran:

## GENERASI

Gabungan Penulis Selangor Darul Ehsan dan
MARWILIS PUBLISHER DAN DISTRIBUTORS SDN. BHD.
(Lambang yang perjuangkan Sastera Negara)

### Syarat Sayembara

Beri pendapat anda dalam 500 hingga 1,000 perkataan.
Novel yang terbaik.

Pendapat anda hendaklah dihantarkan kepada Marwilis Publisher and Distributor sebelum **31 Januari 1989.**

Para pemenang akan di umumkan **pada 28 Februari 1989.**




01 610281. Rais.

يونيبرسيتي كبڠسان مليسيا

PERMANIS

# Sekalung Tahniah



Assalamualaikum Wrt. Wbt.

Sekalung tahniah diucapkan kepada PERMANIS UKM kerana telah mengambil daya inisiatif untuk menganjurkan Seminar Adat Pepatih yang diadakan buat julung-julung kalinya di UKM ini.

Saya yakin usáha yang murni ini akan mendatangkan kesan yang positif kepada mahasiswa/mahasiswi UKM amnya dan kepada pihak PERMANIS khususnya. Apa yang lebih penting ialah supaya seminar ini dapat memberikan satu sinario yang lebih jelas kepada masyarakat kampus tentang keunggulan Adat Pepatih sebagai satu warisan budaya masyarakat Negeri Sembilan. Di samping itu, diharap seminar ini akan dapat mengikis pandangan negatif mahu pun dilema yang dihadapi oleh siswa/siswi dari Negeri Sembilan.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan syabas kepada Urusetia Seminar Adat Pepatih yang menjayakan seminar ini.

(DATO' NAPSIAH BTE OMAR)

يونيبرسيتي كبڠسأن مليسيا

PERMANIS

# *Sekapor Sireh*



Assalamu[c]alaikum wrt . wbt.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada pihak PERMANIS Universiti Kebangsaan Malaysia kerana telah berjaya menganjurkan Seminar Adat Perpatih ini. Saya percaya kejayaan ini adalah hasil daru usaha yang gigih, kesungguhan pihak EXCO PERMANIS, Urusetia serta seluruh ahlinya.

Kerjasama seperti ini amatlah diperlukan memandangkan inilah pertama kalinya PERMANIS mengadakan seminar yang berbentuk ilmiah seperti ini. Dalam mengejar kejayaan di bidang ilmu pengetahuan, seharusnya mahasiswa/i sekalian bergiat aktif bukan sahaja di peringkat kampus malahan inisiatif ini sewajarnya disalurkan pula kepada masyarakat umum.

Oleh yang demikian, saya menyeru kepada mahasiswa/i sekelian supaya sentiasa bersatu padu dan bekerjasama dalam menjayakan sebarang projek di masa akan datang.

(DATO' HAJI MOHD ISA BIN HAJI ABDUL SAMAD)

MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN.